1. **JAWATAN 11** : **PEMBANTU AWAM - LELAKI SAHAJA**

Kod Skim : 3LH04

Jabatan : Pelbagai Jabatan Kerajaan Negeri Terengganu

Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

## 2. JADUAL GAJI : Gred H11

| Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|
| RM1,218.00 | RM2,939.00 | RM80.00 |

## 3. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(b) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,218.00).

(**Syarat Tambahan** : Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia).

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,264.15).

## 4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.